

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 26/01/2008

# Malaysia contoh terbaik negara Islam

Oleh ABDUL YAZID ALIAS

**SHAH ALAM** 25 Jan. - Malaysia merupakan contoh terbaik dalam pelaksanaan pembangunan Islam di seluruh dunia, kata Pengerusi Majlis Mufti Rusia, Sheikh Ravil Gaynutdin (**gambar**).

Katanya, ia berdasarkan kejayaan negara ini melaksanakan pelbagai program pembangunan dalam semua bidang yang bertandakan Islam sebenar.

Sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama, katanya, Malaysia dilihat mampu mengekalkan kestabilannya dari segi hubungan antara rakyat, ekonomi, politik, sosial dan pendidikan.

Malah di Rusia sendiri menurut beliau, pihaknya turut mengambil idea-idea berasaskan pembangunan ekonomi Islam dari negara ini seperti pelaksanaan sistem wakaf, industri halal dan pendidikan.

"Jika kita lihat senario hari ini, kita dapati permusuhan antara agama sering berlaku di beberapa buah negara sehingga mencetuskan keganasan selain menimbulkan persepsi negatif terhadap Islam.

"Keadaan sebaliknya berlaku di sini kerana saya dapati kerajaan Malaysia berupaya mewujudkan suasana yang toleransi serta saksama terhadap penganut agama lain.

"Ini jelas menunjukkan Malaysia merupakan salah satu model negara Islam moden dan bersesuaian dengan ajaran al-Quran serta sunah Rasulullah yang dilaksanakan dengan pendekatan Islam Hadhari," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau berada di sini sebagai tetamu jemputan kerajaan Selangor dan akan menyampaikan syarahan sempena Persida-



ngan Antarabangsa Islam Hadhari dan Cabaran Global esok.

Tambah Sheikh Ravil, pembangunan agama Islam di Rusia juga semakin pesat sejak kejatuhan Kesatuan Soviet pada tahun 1991.

Katanya sehingga hari ini, seramai 25 juta daripada 140 juta rakyat negara itu adalah penganut agama Islam yang merupakan agama kedua terbesar di negara itu.

Selain itu, sebanyak 6,000 buah masjid dibina di negara itu termasuk bagi membolehkan penganut Islam menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan selain pendidikan di negara itu.

Dalam pada itu, Sheikh Ravil turut menyeru semua pemimpin, tokoh-tokoh Islam supaya bersama-sama memainkan peranan serta membetulkan persepsi negatif terhadap agama Islam.